

RABU • 11.01.2017

ALAMAKADEMI

Sukarelawan, alumni UMP serah sumbangan

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 10 JAN 2017 m/s 30

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**
 utusanktr@utusan.com.my

■ **KUANTAN 10 JAN.**

SERAMAI 80 murid dan pelajar daripada golongan asnaf dan anak yatim di sekitar daerah ini serta Pekan menerima bantuan kelengkapan persekolahan menerusi program Kembali Ke Sekolah anjuran UMP Advanced Education di sini baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama Persatuan Graduan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Persatuan Wanita UMP (Mata-

hari) itu sebagai usaha membantu meringankan beban keluarga murid serta pelajar terlibat membuat persiapan memasuki sesi baharu persekolahan tahun ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, program berkenaan merupakan satu daripada inisiatif MyGift UMP bagi membantu golongan yang memerlukannya.

“Penyertaan sukarelawan UMP melibatkan kakitangan dan alumninya yang turun padang menjayakan program tanggungjawab sosial korporat ini sangat

membanggakan,” katanya di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education, Mohammad Rozi Hassan yang bersama sukarelawan lain membantu menjayakan program berkenaan.

Menurut Yuserrie, sumbangan sepasang pakaian seragam sekolah, kasut, stoking, alat tulis dan beg diharap dapat memberi manfaat dan semangat kepada murid serta pelajar terlibat untuk menimbu ilmu.

“Sikap dermawan dalam kalangan masyarakat kampus ini diharap dapat diteruskan bagi

membudayakan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan,” ujar beliau.

Sementara itu, seorang ibu, Lizawati Mustafa, 34, berterima kasih kepada UMP yang sentiasa menghulurkan sumbangan kelengkapan persekolahan kepada tiga anaknya berusia di antara sembilan hingga 12 tahun.

“Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban untuk membuat persiapan persekolahan anak-anak saya. Mereka juga teruja memulakan sesi persekolahan dengan kelengkapan baharu,” katanya.



YUSERRIE ZAINUDDIN (tengah) bergambar bersama anak-anak golongan keluarga asnaf selepas membeli kelengkapan sekolah di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.